

Galeri Pop Art Gallery



Lorong Seni **SEREMBAN** Art Trail

Tak di sangka, semuo ea ado!

Dari Mana Hendak Mula?

- 1 Bermula di Laman Seni (Jalan Dato' Sheikh Ahmad) GPS: 2°43'36.4"N 101°56'14.6"E
- 2 Bermula di Benteng Walk (Bazaar MAINS) GPS: 2.7268° N, 101.9374° E

Sila Patuhi Pandu Arah



Peralatan Yang Perlu Dibawa Semasa Lawatan



Imbas Kod Untuk E-map




Panduan Lokasi

- 1 Harimau Malaya
- 2 Benteng Walk
- 3 Tarian Tradisional
- 4 "Aci Labu"
- 5 Nostalgia Zaman Kanak-Kanak
- 6 "Kobau Den"
- 7 Tarian Singa Dan Naga
- 8 Dr Sheikh Muzaphar
- 9 Perlombongan Sungai Ujong
- 10 Chinese Lantern
- 11 Masjid Jamek
- 12 Gotong Royong Memasak Dodol
- 13 "Babu Roti"
- 14 Ilusi Optik
- 15 Malayan Railway
- 16 "Baboo Corner"
- 17 Sarjan Hassan
- 18 Kuih Tradisional
- 19 Rumah Tradisional
- 20 Askar Gurkha
- 21 Pop Art Mural

Jarak Masa ke Tempat Bermula

- 1 LAMAN SENI
Dari Terminal One Stesen Bas : 3 minit
Dari Stesen Keretapi Seremban: 5 minit
- 2 BAZAAR MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN (MAINS)
Dari Terminal One Stesen Bas : 10 minit
Dari Stesen Keretapi Seremban: 12 minit



Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:



Unit Pelancongan
Majlis Bandaraya Seremban
Wisma MBS, Persiaran Forest Heights 1,
Jalan Seremban - Tampin, 70450 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus.
Tel: 06-765 4333

PROJEK S.A.B.A.R

(Street Art Back Alley Re-Enhancement)

SABAR merupakan projek mural **'wall and sculpture street art'** bertujuan memperindah lorong belakang rumah kedai di Bandar Seremban yang kurang diberi perhatian serta mengikis stigma negatif terhadap fungsi lorong belakang kepada warga bandar. Konsep projek ini adalah **'Returning The Street To The Public'** dimana Majlis Bandaraya Seremban (MBS) memperindah semula jalan dan dinding di lorong belakang sebagai laluan selamat dan selesa bagi orang awam dan pelancong dalam konteks merakyatkan seni bandar.

Implementasi projek ini akan dibangunkan artisian tempatan bagi menghidupkan fungsi lorong belakang sebagai produk pelancongan dengan bercirikan budaya Negeri Sembilan.



HARIMAU MALAYA
Harimau Malaya merupakan subspesies harimau yang hanya terdapat di Semenanjung Malaysia. Simbol haiwan ini banyak digunakan dalam lambang rasmi negara seperti Jata Negara, Proton dan Maybank. Mural Pale Belang ini terdapat di sebuah bangunan produk kesihatan (farmasi). Setiap insan perlu menjaga kesihatan seperti Harimau Malaya yang kekal gagah meskipun diancam dengan pelbagai rintangan. Masyarakat tempatan juga perlu mempunyai semangat Harimau Malaya dalam jiwa mereka bagi membangunkan negara supaya kembali digelar sebagai Harimau Asia.

Pada Jun 1983, Majlis Bandaraya Seremban (MBS) telah membuka pasar malam atau "Street Market" pertama di Negeri Sembilan yang terletak di tengah-tengah bandar Seremban iaitu di Jalan Tunku Hassan. Kini, ia dikenali sebagai Benteng Walk yang beroperasi di Jalan Dato' Abdul Rahman setiap hari bermula dari 5 petang sehingga larut malam. Pelbagai pilihan makanan tempatan ada dijual di sini.

Tarian piring atau tari piring merupakan sebuah seni tari kubudaya masyarakat Minangkabau. Meskipun berasal dari Sumatera Barat, Indonesia namun ia sangat popular dalam kalangan masyarakat di Negeri Sembilan. Tarian ini memerlukan penari memegang piring yang mempunyai lilitan di atas kedua-dua tangan. Penari perlu menari di dalam gelap mengikut lagu atau irama yang dimainkan oleh talempang dan saluang.

Aci Labu memang tembikar menunjukkan penggunaan tembikar amat sinonim di dalam masyarakat India. Tembikar ini digunakan didalam beberapa perkara utama di dalam masyarakat India seperti memasak Nasi Manis semasa Pesta Ponggal, digunakan juga semasa ritual kematan dan juga sebagai tempat menyimpan air.

Satu ketika dahulu, melastik burung merupakan salah satu aktiviti wajib buat kanak-kanak di luar bandar. Ia merupakan satu bentuk hiburan buat mereka memandangkan pada zaman tersebut tidak teknologi gajet. Ketika ini, aktiviti bermain lastik sudah semakin dilupakan oleh masyarakat kerana arus pemodenan dan sifatnya yang bahaya. Simbol katak-pula menggambarkan fauna yang banyak terdapat di kampung-kampung pada zaman dahulu. Katak-katak ini sering muncul dan berburui untuk meminta hujan turun.

Kerbau sinonim dikalangan masyarakat Adat Minangkabau yang terdapat di Negeri Sembilan. Menurut cerita, perkataan Minangkabau berasal daripada perkataan Menang Kerbau. Walhal bagaimanapun, kehidupan masyarakat kampung dan kerbau tidak boleh dipisahkan kerana Kerbau merupakan jentera utama di dalam pertanian tradisional serta kerbau juga merupakan salah satu pengangkutan utama pada masyarakat dahulu.

Kedua-dua tarian ini menggambarkan warisan seni dan budaya masyarakat kaum Cina di Malaysia yang masih diamalkan sehingga hari ini. Tarian ini merupakan simbolik kepada keamanan dan kekayaan. Ia sering diseribehaluan pada musim perayaan seperti Tahun Baru Cina dan Pesta Tanglung. Biasanya, tarian singa dan naga diiringi dengan bunyi gong, dram dan dentuman meruncin yang dikatakan akan membawa tuah.



DR. SHEIKH MUZAPHAR
Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor Al Masrie bin Sheikh Mustapha merupakan angkasawan pertama negara dan angkasawan pertama Muslim dunia yang telah ke angkasa pada 10 Oktober 2007. Kejayaan beliau ke angkasa merupakan inspirasi kepada golongan belia di seluruh Malaysia untuk berani dalam mencapai cita-cita.

Dahulunya, Seremban dikenali sebagai Sungai Ujong. Ia terkenal sebagai salah satu Kawasan perlombongan bijih timah utama di Asia Tenggara. Aktiviti ini telah menyaksikan kedatangan imigran Arab, Melayu dan Cina untuk bekerja sebagai pelombongan bijih timah. Aktiviti pelombongan juga telah membawa kepada campur tangan kolonial British terhadap pemerintahan dan pengutipan cukai di Sungai Ujong.

"Pesta Tanglung" adalah suatu pesta Cina disambut pada hari kelima belas dalam tahun bulan dalam kalendar Cina. Sekwaktu Pesta Tanglung, kanak-kanak keluar ke pekong membuang tanglung kertas dan menyelesaikan teka-teki di tanglung. Ia secara rasmi menandakan perayaan Tahun Baru Cina telah tamat.

Masjid Jamek merupakan masjid tertua di Bandar Seremban. Reka bentuk masjid ini memaparkan ciri-ciri seni bina Nusantara. Masjid ini mampu memuatkan antara 1,000 hingga 1,500 jemaah pada satu masa. Ia telah mendapat pengiktirafan sebagai bangunan Warisan Kebangsaan daripada Jabatan Warisan Negara.

Dodol atau penggaran merupakan makanan tradisional masyarakat Melayu dan Adat Perpatih tempatan. Biasanya, ia disajikan pada sumbatan hari raya dan majlis-majlis kerajaan seperti perkahwinan. Proses membuat dodol sangat rumit kerana ia perlu dikacau sentiasa di dalam kawah. Penyediaan dodol akan menjadi lebih mudah jika dilakukan secara gotong-royong sekali gus dapat mengeratkan silaturahim antara keluarga dan masyarakat.

"Pak Cik Roti" sangat sinonim di taman-taman perumahan sekitar Bandar Seremban dimana akan dibunyikan sebagai tanda kehadiran penjual roti bermotosikal ini bagi pembeli terutama kanak-kanak yang ingin membeli pelbagai jenis roti dan makanan ringan untuk kudapan di waktu pagi yang bijak menggunakan dua pemampat pendingin hawa sebagai simbol mata.

Mural ini menggambarkan ekspresi wajah yang di gambar secara abstrak, ia diwujudkan menggunakan gabungan warna terang bagi menggambarkan kecerian masyarakat Seremban. Mural ini juga menggambarkan kreativiti pelukis Seremban.



MALAYAN RAILWAY
Keretapi salah satu pengangkutan utama penduduk Seremban suatu ketika dahulu. Ia menghubungkan laluan Sungai Ujong ke Port Dickson dengan jarak sejauh 38 kilometer. Laluan ini merupakan laluan kereta api kedua di Tanah Melayu selepas laluan Port Weld (Kuala Sepetang) ke Taiping. Perkhidmatan kereta api ini telah ditamatkan perkhidmatannya pada tahun 2008.

Seorang peniaga yang menjalankan perniagaan turun temurun daripada generasi datuk dan sekarang kepada cucunya. Kedai ini menjual pelbagai hidangan popular tempatan seperti teh tarik dan nasi lemak. Ia sering menjadi tumpuan masyarakat tempatan mendapatkan sarapan. Uniknya, pemilik dan pelanggan di kedai ini gemar berkongsi makanan dengan burung merpati liar di sekitar Seremban. Mereka percaya dengan berkongsi makanan dengan haiwan, ia dapat menambahkan rezeki.

Sarjan Hassan dikenali sebagai patriot yang terbilang dalam Askar Melayu. Beliau terlibat dalam peristiwa pengarusan komunis dari tahun 1950 hingga 1953. Sarjan Hassan merupakan anak jati kelahiran Kampung Pantai, Seremban. Kisah keberanian Sarjan Hassan boleh dihayati di Muzium Negeri Sembilan dan Muzium Tentera Darat, Port Dickson. Mereka percaya dengan berkongsi makanan dengan haiwan, ia dapat menambahkan rezeki.

Restoran Arosida merupakan salah satu tempat makanan terkenama di Seremban. Ia menjual pelbagai aneka hidangan masakan panas. Restoran ini juga menjual pelbagai kuih-muih tradisional tempatan seperti kuih lapis, keria dan seri muka.

Rumah ini merupakan Istana Ampang Tinggi yang terletak di kompleks budaya N. Sembilan (Muzium N. Sembilan). Bangunan ini telah mendapat pengiktirafan sebagai bangunan Warisan Kebangsaan. Menariknya, ia dibina tanpa menggunakan sebarang paku dan hanya di pasak. Reka bentuk rumah ini mempunyai persamaan dengan rumah adat Minangkabau terutamanya pada bahagian bumbung. Kini, rumah ini menjadi tempat tumpuan pelancong di Negeri Sembilan.

Askar Gurkha merupakan askar upahan pihak British dalam memperkuatkan benteng pertahanan negara daripada serangan Jepun. Askar Gurkha yang telah dibawa masuk ke Seremban dahulunya telah membina sebuah Gudwara Sahib yang terletak di Jalan Yam Tuan, Seremban.

